

CNS8387

R GB 13-04 00160 BA672

Bah

Mahathir - Kanak-kanak

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang biasanya ditemuramah oleh para tokoh dan wartawan, hari ini mendapati dirinya dikerumuni oleh sekumpulan kanak-kanak yang ingin tahu tentang masa depan mereka dalam wawasan Perdana Menteri bagi negara ini pada tahun 2020. Bagaikan seorang bapa, Perdana Menteri menjawab mesra pelbagai pertanyaan yang bukan hanya mengenai pengertian wawasan, malah apakah agaknya pekerjaan beliau menjelang tahun itu.

+Kita tidak tahu. Seseorang Perdana Menteri mungkin menjadi Perdana Menteri hanya untuk dua tiga tahun atau lima tahun. Ini adalah perkara yang kita tidak boleh duga apa yang akan berlaku,+ katanya.

Temubual Perdana Menteri selama kira-kira 15 minit dengan lapan pelajar sekolah rendah itu disiarkan oleh Televisyen Malaysia menerusi rancangan +Kelab Kanak-Kanak Angkasapuri+ pagi ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berharap kerajaan yang wujud pada masa depan akan mempunyai wawasan yang sama selagi hasrat wawasan itu belum tercapai. -- lagi

♥13/04/13-52MST

R GB 13-04 00162 BA673

Bah

Mahathir - Kanak-kanak 2 Kuala Lumpur

Katanya, pendidikan pada tahun 2020 akan menekankan kepada aspek disiplin, tanggungjawab dan nilai-nilai baik yang akan memastikan kanak-kanak apabila dewasa, menjadi warganegara yang sesuai dengan sebuah negara yang maju.

+Pada zaman akan datang, pendidikan akan ditumpukan kepada kemahiran cara hidup dalam sebuah negara industri, dan tidak lagi cara hidup dalam sebuah negara yang bergantung kepada pertanian.

+Jadi untuk itu kita mesti tahu membawa diri dan melatih diri dengan kerja yang sesuai dengan pembangunan industri dalam negara kita,+ katanya.

Kemesraan Perdana Menteri semasa temubual itu membuatkan kanak-kanak tersebut tidak segan bertanya soalan, malah seorang daripada mereka mencelah membantu Datuk Seri Dr Mahathir semasa beliau sedang memikirkan perkataan yang sesuai mengenai pengertian wawasan.

Apabila beliau menyebut perkataan +visi+ dan +pandangan+ mengenai maksud wawasan, adik Izyani mencelah dan menyebut +gambaran+. Perdana Menteri tersenyum sambil bersetuju dengan perkataan itu. +Gambaran bentuk negara pada masa akan datang,+ jelasnya. -- lagi

♥13/04/13-56MST

CNS8407

R GB 13-04 00189 BA677

Bah

Mahathir - Kanak-kanak 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak seharusnya selama-lama menjadi negara membangun dengan penduduknya mendapat pendapatan rendah dan memiliki kebolehan yang kurang berbanding penduduk di negara maju.

+Kita berhak mendapat kebahagiaan hidup, kesejahteraan hidup seperti juga di negara-negara maju. Itu tidak akan datang dengan sendirinya kalau kita semua tidak berusaha,+ katanya.

Beliau berkata, apa yang dilakukan sekarang ialah langkah awalan untuk menuju ke arah mencapai wawasan tersebut, agar apabila tiba tahun 2020, rakyat akan mempunyai kebolehan yang sama dengan bangsa-bangsa yang maju.

+Pada tahun 2020 kita berharap daripada segi pembangunan, pendapatan, kecekapan dan kepintaran kita adalah sama dengan negara maju. Jadi tidak ada siapa lagi yang akan memandang rakyat Malaysia sebagai kurang dan lema daripada rakyat di negara maju,+ katanya, dan menambah kata bahawa persediaan yang serupa juga perlu dilakukan terhadap kanak-kanak.

Etika ditanya adakah bentuk kenderaan pada masa depan akan kelihatan canggih seperti yang digambarkan dalam siri-siri kartun, Perdana Menteri berkata, tidak ada sesuatu yang tidak berubah, dan manusia mesti memikirkakan tentang memperbaiki lagi apa jua yang ada di sekeliling mereka+. -- lagi

♥13/04/14-21MST

CNS8411

R GB 13-04 00153 BA678

Bah

Mahathir - Kanak-kanak 4 Kuala Lumpur

+Kenderaan merupakan satu daripada kemudahan dan kita mesti fikir apa yang perlu kita buat untuk memperbaiki kenderaan ... mungkin supaya tidak lagi berlanggar, kematian seperti yang kita lihat hari-hari terutama musim raya,+ katanya.

Mengenai tahap pendidikan masa depan, beliau berkata cabaran masa depan memerlukan seseorang itu memiliki kebolehan dalam pelbagai bidang.

Dalam nasihatnya kepada semua kanak-kanak, Perdana Menteri berkata perkara yang penting dalam pembangunan dan kesejahteraan ialah pengamalan sistem nilai yang baik oleh masyarakat.

Katanya, nilai-nilai yang baik perlu dipupuk sejak kecil agar masyarakat masa depan tidak akan menghadapi banyak masalah seperti rasuah dan mencuri.

+Kalau kita percaya kepada kebaikan dan kita buat baik sepanjang masa, maka masyarakat akan menjadi lebih baik,+ katanya.

Selepas temubual itu, Datuk Seri Dr Mahathir menandatangani autograf serta mengucapkan Selamat Hari Raya kepada semua kanak-kanak di negara ini -- Bernama

♥13/04/14-23MST